**Pelita BRUNEI**
ڤليتا بروني
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

ڤتيقن تيته
**PETIKAN TITAH**

"KEAMANAN adalah penting, kerana tanpa keamanan, pembangunan tidak akan dapat dilaksanakan. Oleh itu, rukun keamanan, mustahaklah dipelihara dan diamalkan, iaitu memegang kuat ajaran ugama, mematuhi undang-undang serta hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu padu. Inilah rahsia keamanan itu."
- Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2017.

مانيسڽ ايمان
**MANISNYA IMAN**

"DARIPADA Abu Umamah Al-Bahili ia berkata : sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala tiada menerima sesuatu amalan melainkan yang dikerjakan dengan penuh ikhlas kepada-Nya dan ditujukan hanya kepada-Nya semata-mata."
- (Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam).

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5.06 | 5.16 | 6.35 | 6.57 | 12.35 | 3.54 | 6.34 | 7.44 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 22 | 19 FEBRUARI 2018 / 3 جمادى الأخير 1439 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# Majlis Santap Petang raikan Puja Usia DPMM

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 18 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Timbalan Inspektor Jeneral Polis Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang sempena Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-44 Tahun anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Berangkat sama di majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet, Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis Gadong itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Ke muka 3



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Timbalan Inspektor Jeneral Polis Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang sempena Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-44 Tahun anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), berlangsung di Dewan Bankuet, Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis Gadong.**

# Tiga amalan perniagaan yang tidak merugikan

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 18 Februari. - Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Al-Quran pada Surah Faathir ayat 29 dan 30 yang kira-kira bermaksud, "Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa melazimkan membaca kitab Allah Al-Quran, mendirikan sembahyang serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang dikurniakan secara sembunyi atau terang-terangan dan mereka mengharapkan perniagaan yang tidak merugikan."

Perkara tersebut merupakan antara butiran tazkirah yang dikongsikan oleh Pegawai Ugama dari Sekolah Ugama Menengah Arab Perempuan Pengiran Anak Hajah Saleha Kampung Katok, Pengiran Haji Mohd. Norhadi bin Pengiran Haji Bongsu semasa Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Semasa menyampaikan tazkirah bertajuk 'Perniagaan yang tidak merugikan', turut mengongsikan tiga amal soleh yang dimaksudkan sebagai perniagaan yang tidak akan merugikan, atau amalan yang dijanjikan pahala yang berlipat kali ganda, iaitu dengan membaca, memahami dan mengamalkan isi kandungan Al-Quran, sentiasa mendirikan sembahyang fardu dengan sempurna dan membelanjakan harta yang telah dikurniakan oleh Allah secara rahsia atau secara terang-terangan.

Ke muka 7

IKUTI KAMI DI
APLIKASI MUDAH ALIH *InfoDeptBN*
Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn



Muka 8

SUNTIK semangat patriotik, kenegaraan rakyat



Muka 11

TANAMKAN sifat, jiwa patriotik

# Cegah, kawal NCDs

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh**

**ALHAMDULILLAH,** bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pagi ini pada Majlis Pelancaran Program Mukim Sihat bagi Mukim Pengkalan Batu. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat, kaum keluarga dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Majlis Perundingan Pengkalan Batu, Pusat Kesihatan Pengkalan Batu, Pusat Promosi Kesihatan dan semua yang terlibat dalam mengungkayahkan Program Mukim Sihat bagi Mukim Pengkalan Batu pada pagi ini.

Penyakit-penyakit tidak berjangkit (atau Non-Communicable Diseases - NCDs) merupakan salah satu cabaran yang besar terhadap kesihatan dan pembangunan di abad ini (di mana mahu tidak mahu, kita mesti menghadapi dan menanganinya). Jika tidak dibanteras, NCDs boleh membantut perkembangan sosioekonomi negara kita disebabkan oleh kesan negatif terhadap produktiviti dan kos rawatan yang kian meningkat. Sepertimana yang mungkin dimaklumi bersama, punca utama kematian di Negara Brunei Darussalam adalah disebabkan oleh NCDs seperti kanser, penyakit jantung, kencing manis (Diabetes Mellitus) dan strok yang mana melibatkan lebih dari separuh kematian pada tahun-tahun yang lalu.

Memandangkan betapa seriusnya risiko, impak dan bebanan penyakit-penyakit ini, kita tidak mampu untuk melambatkan atau berlengah-lengah dalam mengambil tindakan pencegahan. Di samping itu juga, bagi mereka yang telah dikenal pasti mempunyai risiko atau menghidapi penyakit tersebut, maka adalah penting untuk memastikan rawatan yang efektif diberikan dan komplikasi penyakit-penyakit tersebut dicegah. Semua langkah-langkah ini akan memerlukan kerjasama yang sepadu dan komitmen erat dari pelbagai sektor, lapisan masyarakat dan individu atau pesakit, serta ahli keluarga terdekat, bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan dalam mengatasi masalah NCDs.

Dari itu, besarlah harapan saya untuk melihat kerjasama erat di peringkat mukim, iaitu, di antara Majlis Perundingan Mukim Pengkalan Batu dan Pusat Kesihatan Pengkalan Batu khususnya, terutama sekali, dalam usaha-usaha untuk mencegah dan mengawal NCDs di kalangan penduduk mukim. Dalam hubungan ini, saya telah difahamkan bahawa sebuah Jawatankuasa Mempromosi dan Mengamal Cara Hidup Sihat telah ditubuhkan, yang mana melibatkan perwakilan dari Majlis



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Jaafar semasa berucap pada Majlis Pelancaran Program Mukim Sihat Bagi Mukim Pengkalan Batu anjuran Kementerian Kesihatan dan Majlis Perundingan Mukim Pengkalan Batu, pada Ahad, 25 Jamadilawal 1439 Hijrah / 11 Februari 2018 Masihi di Pusat Kesihatan Pengkalan Batu.**

Perundingan Mukim, Pusat Kesihatan Pengkalan Batu, agensi-agensi kerajaan setempat dan syarikat swasta.

Untuk memperkukuhkan lagi peranan jawatankuasa ini, maka saya dengan sukacita melantik beberapa orang Ahli Jawatankuasa untuk menjadi Duta Kesihatan bagi Mukim Pengkalan Batu. Duta-duta kesihatan adalah diharap menjadi pemangkin bagi program dan aktiviti setempat yang berkaitan dengan pencegahan dan pengawalan NCDs seperti merancang, mengadvokasi atau mengangkat (*adopting*) program cara hidup sihat berkumpulan, bersama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta pihak institusi pendidikan setempat, secara teratur seperti mengadakan kumpulan berjalan kaki, berbasikal atau senaman ramai setiap bulan dan lain-lain.

Selain itu juga, Duta-duta Kesihatan juga boleh menjadi penghubung di antara masyarakat setempat dengan pihak kesihatan melalui Pusat Kesihatan Pengkalan Batu. Ini temasuklah mengetengahkan isu-isu kesihatan semasa penduduk-penduduk setempat; serta membantu menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan perkhidmatan kesihatan seperti dalam memastikan kelicinan dan kepatuhan kepada sistem perjanjian di Pusat Kesihatan; membantu dalam memastikan pengambilan ubat yang betul dan teratur oleh pesakit-pesakit setempat dan juga akses pesakit-pesakit ke perkhidmatan kesihatan sama ada di Pusat Kesihatan atau hospital terdekat.

Semua ini adalah penting dalam usaha-usaha sama kita untuk mengelak atau melambatkan komplikasi NCDs. Pesakit-pesakit juga perlu memahami selain daripada pengawalan paras gula di dalam darah yang baik, kawalan tekanan darah tinggi dan berat badan juga memainkan peranan yang penting untuk mencegah komplikasi NCDs. Saya ingin menegaskan bahawa pesakit sendiri mempunyai peranan yang amat penting dan adalah bertanggungjawab terhadap kesihatan diri sendiri untuk mengelakkan komplikasi atau berkeadaan lebih kronik yang boleh mengakibatkan kegagalan buah pinggang, serangan jantung, strok dan lain-lain. Dari itu, pesakit haruslah peka dan tekad untuk mengubah tingkah laku kepada gaya hidup yang sihat dengan mengamalkan pemakanan sihat dan seimbang, melakukan kegiatan fizikal berintensiti sederhana selama 30 - 60 minit lima kali seminggu secara tetap, serta mengambil ubat-ubatan mengikut jadual yang ditetapkan serta mengikut nasihat doktor atau para profesional kesihatan yang lain. Tanpa kerjasama dan persefahaman antara pesakit dan doktor atau profesional kesihatan, rawatan dan pengawalan NCDs secara optima adalah sukar untuk dicapai.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Majlis Perundingan Mukim Pengkalan Batu di atas komitmen dan sumbangan tenaga dan lain-lain, dalam sama-sama mempromosi kesedaran bagi pencegahan NCDs sekali gus bersama-sama bertanggungjawab dalam menjaga kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini. Besarlah harapan saya komitmen padu daripada Majlis Perundingan Mukim Pengkalan Batu ini akan menjadi contoh ikutan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang lain dan juga pertubuhan atau kumpulan masyarakat bukan kerajaan yang lain. Semua langkah ini adalah sejajar dengan keutamaan strategik Kementerian Kesihatan dalam usaha-usaha pencegahan dan pengawalan NCDs serta dalam merealisasikan Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035, ke arah memastikan kualiti kehidupan yang tinggi di kalangan warga negara.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa penganjur serta pihak-pihak berkepentingan lain yang telah sama-sama menjayakan Majlis Pelancaran Program Mukim Sihat bagi Mukim Pengkalan Batu pada pagi ini. Semoga segala usaha dan sumbangan yang murni lagi ikhlas itu akan mendapatkan keberkatan dan ganjaran yang sebaik-baiknya daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Dengan melafazkan kalimah *Bismillahir Rahman Nir Rahim*, Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Pelancaran Program Mukim Sihat bagi Mukim Pengkalan Batu 2018.

Sekian. *Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## Dari Sidang Pengarang.

19 FEBRUARI 2018 BERSAMAAN 1439 جمادى الأخير 3

### MINUM AIR KOSONG PENTING UNTUK KESIHATAN

**MINUM** air kosong sangat penting untuk kesihatan tubuh badan di mana ia adalah perlu kerana ia dapat melindungi organ dan tisu dalam badan manusia, membantu fungsi fisiologi dalam badan, mengawal suhu badan dan perkumuhan (pengeluaran bahan buangan daripada badan).

Ketidakcukupan air atau dehidrasi tubuh badan boleh mengganggu dan memberi kesan seperti mengganggu sistem kognitif, melemahkan fungsi kardiovaskular, mengganggu sistem kawalan suhu badan dan banyak lagi.

Justeru adalah amat penting untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan orang ramai mengenai mengapa perlu untuk minum air kosong, lebih-lebih lagi anak-anak kita yang setentunya sangat aktif akan mengeluarkan peluh. Jika tidak cukup kandungan air dalam badan boleh saja menyebabkan dehidrasi dan akhirnya memudaratkan diri sendiri.

Hasil dapatan kaji selidik Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2011 mendapati sebanyak 34.6 peratus kanak-kanak berumur 5 hingga 14 tahun meminum minuman tinggi gula setiap hari.

Perlu diingat bahawa minuman bergula terdiri daripada yang bergas, tidak bergas, isotonik dan jus (sekurang-kurangnya mengandungi 10 peratus jus buah). Maka yang benar-benar tidak mengandungi gula ialah air kosong sahaja.

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan minum air kosong, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan dengan kerjasama pelajar-pelajar penempatan Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Kempen Lakas Tah Minum Air Kosong 2018 yang dilaratkan ke beberapa buah sekolah di negara ini.

Adalah diharapkan melalui kempen ini akan dapat memupuk dan menanam tabiat para pelajar untuk berbekalkan air botol berisi air kosong untuk diminum di sekolah dan secara tidak langsung akan mengubah tabiat mereka daripada meminum minuman yang tinggi gula kepada minuman air kosong dan juga diharap jumlah pengambilan minuman tinggi gula akan berkurangan.

Bagaimanapun semua pihak perlu memainkan tanggungjawab dan peranan masing-masing termasuk ibu bapa dan pihak-pihak berkepentingan untuk menyarankan anak-anak meminum air kosong. Mengamalkan gaya hidup sihat, melahirkan generasi yang cergas dan progresif.

**- Ketua Penyuntingan (Ss).**

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 31 / 25 °C | 32 / 25 °C | 30 / 24 °C |
| PEKAN BANGAR | 32 / 24 °C | 32 / 24 °C | 31 / 24 °C |
| PEKAN TUTONG | 32 / 24 °C | 32 / 24 °C | 31 / 24 °C |
| KUALA BELAIT | 32 / 24 °C | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi FEBRUARI | HARI | Hijrah JAMADILAKHIR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 19 | ISNIN | 3 | 5.06 | 5.16 | 6.35 | 6.57 | 12.35 | 3.54 | 6.34 | 7.44 |
| 20 | SELASA | 4 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.57 | 12.35 | 3.53 | 6.34 | 7.44 |
| 21 | RABU | 5 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.57 | 12.35 | 3.53 | 6.34 | 7.44 |
| 22 | KHAMIS | 6 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.57 | 12.35 | 3.53 | 6.34 | 7.44 |
| 23 | JUMAAT | 7 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.56 | 12.35 | 3.52 | 6.34 | 7.43 |
| 24 | SABTU | 8 | 5.06 | 5.16 | 6.33 | 6.56 | 12.35 | 3.52 | 6.34 | 7.43 |
| 25 | AHAD | 9 | 5.05 | 5.15 | 6.33 | 6.56 | 12.34 | 3.52 | 6.34 | 7.43 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## TALIAN KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123

NDMC 2380214

# Majlis Santap Petang raikan Puja Usia DPMM





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Timbalan Inspektor Jeneral Polis Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang sempena Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-44 Tahun (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB). Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

**Dari muka 1**

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia berserta kerabat diraja yang lain dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al Islam dan Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Pada majlis berkenaan, DYTM berkenan beramah mesra bersama pegawai-pegawai kanan diikuti dengan menandatangani 'Lembaran Kenangan Keberangkatan' dan disusuli dengan sesi bergambar ramai.

Sambutan puja usia DYTM turut dimeriahkan dengan majlis memotong kek yang diiringi dengan nyanyian puja usia oleh pasukan koir terdiri daripada pegawai-pegawai PDB.

DYTM seterusnya berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Pesuruhjaya Polis.

**Ke muka 4**





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Timbalan Inspektor Jeneral Polis Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menandatangani 'Lembaran Kenangan Keberangkatan' (kiri). Manakala gambar kanan, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Timbalan Inspektor Jeneral Polis berkenan menerima junjung ziarah daripada para pegawai PDB sebelum berangkat meninggalkan Dewan Bankuet, Mes Pegawai Polis Gadong.

Pelita BRUNEI




DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Timbalan Inspektor Jeneral Polis Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa berkenan bergambar ramai.

**Dari muka 3**

DYTM serta kerabat diraja yang lain kemudiannya dijunjung ke Dewan Bankuet bagi Majlis Santap.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai polis serta anggota PDB. Seluruh anggota PDB, serta keluarga dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan ucapan Selamat Hari Puja Usia Yang Ke-44 Tahun ke hadapan majlis DYTM dan berdoa ke hadrat Allah, semoga akan sentiasa melimpahkan kurnia kesihatan kepada DYTM berserta kerabat diraja.

Turut hadir di majlis tersebut, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Datin Hajah Elinda binti C.A. Mohamed dan Setiausaha Tetap Keselamatan dan Penguatkuasaan di JPM, Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhamad Sazali bin Pengiran Haji Yakob.



**DULI Yang Teramat Mulia bersama kerabat diraja semasa berkenan berangkat ke Majlis Santap di Dewan Bankuet.**

**DYTM berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al Islam (bawah, kanan). Manakala gambar bawah kiri, DYTM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai PDB sebelum berangkat meninggalkan majlis.**





# Berkenan berangkat ke Majlis Santap sempena Hari Puja Usia



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan memotong kek puja usia yang disembahkan oleh ABDB.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Majlis Santap sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-44 Tahun yang disembahkan oleh Kementerian Pertahanan dan ABDB di Mes Pegawai Bolkiah Garison.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota di Mes Pegawai Bolkiah Garison dijunjung oleh Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Ke muka 6



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Santap sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-44 Tahun. Berangkat sama ialah paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima senaskhah buku album gambar bertajuk 'Sejambak Ristaan XI' (kiri), manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan beramah mesra dengan pegawai-pegawai ABDB serta pegawai-pegawai bertauliah baharu yang menerima anugerah kecemerlangan di Sekolah Pegawai Kadet Pengambilan Ke-16.





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berkenan menandatangani Lembaran Kenangan (kiri). Manakala gambar kanan, DYTM ketika berkenan menerima pesambah.**

**Dari muka 5**

Semasa majlis tersebut, DYTM telah berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra dengan pegawai-pegawai dan kakitangan ABDB serta pegawai-pegawai bertauliah baharu yang menerima anugerah kecemerlangan di Sekolah Pegawai Kadet Pengambilan Ke-16.

Sejurus itu, DYTM berkenan menerima senaskhah buku album gambar bertajuk 'Sejambak Ristaan XI' yang mengandungi koleksi gambar-gambar kenangan keberangkatan lawatan DYTM ke Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Pada majlis tersebut juga DYTM disembahkan kek puja usia dan juga menerima pesambah daripada ahli pegawai ABDB.

Bagi memberkati majlis, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Ketua Jabatan Agama ABDB, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim.

Sebelum bertolak, DYTM dijunjung menandatangani Lembaran Kenangan dan seterusnya berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai dan kakitangan yang hadir dalam majlis tersebut.






**DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Santap sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-44 Tahun. Berangkat sama ialah DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas).**

**DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai dan kakitangan ABDB.**

# Tiga amalan perniagaan yang tidak merugikan

Dari muka 1

Tambah beliau pada ayat seterusnya, Allah menyatakan janji Allah dengan mengurniakan pahala yang akan sentiasa bertambah bagi setiap hamba-Nya yang mengerjakan tiga amalan tersebut serta sentiasa menerima setiap amal soleh yang dikerjakan dan mengampuni segala dosa hamba-hamba-Nya.

Antara yang hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar antara yang hadir pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkat yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Kehadiran jemaah memakmurkan rumah Allah diharapkan akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

Makmurnya masjid-masjid di negara ini, adalah antara landasan bagi menggandakan amal kebajikan dan meraih keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala bagi diri kita, keluarga dan juga negara.

# PPNBD adakan Doa Kesyukuran sempena Puja Usia DPMM



PERSEKUTUAN Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Ketua Pengakap Ke-44 Tahun.

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam**

**GADONG,** Sabtu, 17 Februari. - Sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Ketua Pengakap Ke-44 Tahun, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran yang berlangsung di Balai Ibadat PPNBD.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan adalah Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin. Diikuti dengan bacaan Doa Kesyukuran khas sebelum diakhiri dengan Solat Fardu Zohor Berjemaah.

Turut hadir ialah Naib-Naib Yang Dipertua PPNBD, Pengiran Abd Wahab bin Pengiran Haji Hassan dan Awang Haji Metussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba; Bendahari Agung PPNBD, Pengiran Alit bin Pengiran Haji Damit; Ketua Pesuruhjaya, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali; Pesuruhjaya Antarabangsa, Awang Abdul Manan bin Haji Abdul Latip; Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap, Penolong-Penolong Pesuruhjaya, Pemimpin-Pemimpin Pengakap dan Ahli-Ahli Pengakap.

# Perhimpunan Pengakap Kelana beri pemahaman tentang sejarah pergerakan



PESERTA Perhimpunan Pengakap Kelana Senegara Ke-2 sempena Sambutan 85 Tahun Pergerakan Pengakap di Negara Brunei Darussalam dan Sambutan 100 Tahun Pengakap Kelana Sedunia semasa membaca Persetiaan Pengakap.

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam**

**GADONG,** Sabtu, 17 Februari. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Bahagian Pengakap Kelana menganjurkan Perhimpunan Pengakap Kelana Senegara Ke-2 sempena Sambutan 85 Tahun Pergerakan Pengakap di Negara Brunei Darussalam dan Sambutan 100 Tahun Pengakap Kelana Sedunia.

Tujuan perhimpunan tersebut adalah untuk menghimpunkan ahli-ahli Pengakap Kelana Senegara, di samping memberi pemahaman mengenai sejarah pergerakan Pengakap Kelana dan peranan sebagai ahli Pengakap Kelana termasuk memaklumkan kegiatan yang akan dijalankan pada sepanjang tahun 2018.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Di-Pertua PPNBD, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Antara perisian program pada perhimpunan berkenaan adalah sesi kongsi sama bersama mantan Pesuruhjaya Bahagian Pengakap yang pertama, iaitu Awang Haji Othman bin Durani dan Pegawai Eksekutif Pengakap, Awang Zainudin bin Haji Ishak yang berkongsi mengenai sejarah Penubuhan Pengakap Kelana di negara ini.

Selain itu juga, sesi percambahan minda mengenai hala tuju Pengakap Remaja yang disampaikan oleh Pesuruhjaya Brunei dan Muara, Awang Mohammad Arif bin Abd Hadi turut diadakan termasuk taklimat mengenai 'Rovers100' yang disampaikan oleh Pesuruhjaya Perhubungan Awam, Awang Muhammad Syahmi Halimshah dan Taklimat Pengenalan Radio Amatur yang disampaikan oleh Awang Khairil Annuar bin Yaakub.

Juga hadir ialah Timbalan Yang Di-Pertua, Pengiran Wahab bin Pengiran Haji Hassan; Ketua Pesuruhjaya, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali; Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pesuruhjaya Antarabangsa, Awang Abdul Manan bin Haji Abdul Latip; Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap, Penolong-Penolong Pesuruhjaya Daerah, Pemimpin-Pemimpin Pengakap, ahli-ahli Pengakap Remaja dan Pengakap Kelana.

Tetamu jemputan daripada Persekutuan Pengakap Malaysia Cawangan Sarawak dari Miri dan Limbang turut hadir bagi memeriahkan perhimpunan tersebut.

# Suntik semangat patriotik, kenegaraan rakyat



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menyerahkan bendera Negara Brunei Darussalam kepada Anggota Pasukan Polis Diraja Brunei untuk dinaikkan.



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa menyaksikan pelepasan acara berbasikal yang membawa bendera kecil mengelilingi sekitar kampung di Mukim Sengkurong.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Februari. - Dalam menyemarakkan suasana Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun yang tidak lama lagi akan diadakan, upacara menaikkan bendera terus giat diadakan oleh pelbagai pihak di negara ini.

Upacara seumpamanya diadakan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mulaut, Mukim Sengkurong di Sekolah Rendah Mulaut.

Hadir, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, juga selaku Penaung Jatawankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut juga Penasihat MPK Mulaut.

Bacaan Surah Al-Fatihah oleh Imam Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut, Awang Haji Asbinin bin Haji Zainal dan diikuti dengan penyerahan bendera negara kepada Mufti Kerajaan untuk dinaikkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei sambil diiringi Lagu Kebangsaan oleh Kumpulan Koir Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Khairul Nizam bin Haji Mohd. Said.

Majlis dimeriahkan dengan acara berbasikal yang membawa bendera kecil sejauh 4.7 kilometer, disempurnakan oleh Ketua Kampung Mulaut, Awang Haji Mohd. Jait bin Haji Hitam.

Upacara tersebut diharap dapat menyuntik semangat patriotik dan kenegaraan dalam kalangan rakyat serta penduduk di negara ini yang berteraskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB).

Juga hadir Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Serudin bin Haji Timbang; Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abd. Karim dan Penghulu Mukim Sengkurong, Awang Haji Musa bin Haji Tahir.



PASUKAN Polis Diraja Brunei menaikkan bendera negara sambil diiringi Lagu Kebangsaan oleh Kumpulan Koir Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

# Kibarkan bendera tanamkan semangat patriotik

Berita dan Foto :
Ihsan Haji Othman Haji Aliassan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Februari. - Bagi menzahirkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan Negara Brunei Darussalam serta dalam menanamkan semangat patriotik dalam kalangan warga kampung, Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B' masing-masing dari Zon 1 juga tidak ketinggalan dalam mengadakan Majlis Menaikkan Bendera Negara bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 pada tahun 2018 kelmarin.

Majlis Menaikkan Bendera tersebut diadakan di pekarangan kediaman Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, selaku Penghulu Mukim Berakas 'B'.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim (MPM) Berakas 'B', Awang Haji Ariffin bin Haji Hassan. Diikuti dengan penyerahan bendera tersebut daripada Yang Berhormat kepada Ahli Jawatankuasa MPM Berakas 'B', Awang Haji Othman bin Haji Aliassan yang seterusnya menyerahkan Ketua Kampung Lambak 'B', Awang Haji Jair bin Haji Abd. Wahab diiringi dengan laungan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' bersama-sama.

Majlis juga dihadiri oleh ketua-ketua kampung Mukim Berakas 'A' dan ketua-ketua kampung Mukim Berakas 'B' serta ahli-ahli Jawatankuasa MPM Berakas 'A' dan 'B'.



KETUA Kampung Lambak 'B', Awang Haji Jair bin Haji Abd. Wahab menaikkan bendera sambil diiringi dengan laungan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' bersama-sama.

# Nur Qistina Adriana juara Bintang Kecil Ke-40

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman (tengah) dan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos (empat, kanan) antara yang hadir pada Pertandingan Akhir Bintang Kecil Ke-40 bertempat di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei (RTB).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 18 Februari. - Lagu berjodol Badarsila, yang dibawakan oleh Dayang Nur Qistina Adriana binti Md. Yusirwan berjaya memukau dan menambat hati para juri sehingga dinobatkan juara Bintang Kecil (BK) Ke-40 berlangsung di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei (RTB) di sini.

Juara membawa pulang wang tunai BND1,500, piala pusingan, piala iringan, sijil penyertaan serta hadiah iringan.

Sementara lagu berjudul Keindahan Pantai yang dibawakan oleh Awang Muhammad Hairiel Shah bin Md. Jeff Azlan @ Izlan memenangi naib juara dengan membawa pulang hadiah wang tunai BND1,000, piala iringan dan sijil penyertaan serta hadiah iringan dan sekali gus telah dinobatkan sebagai pemenang Persembahan Terbaik dan paling menghiburkan tahun ini.

Tempat ketiga dimenangi oleh Awang Muhammad Syafiq Aiman bin Awang Haji Ramli dengan lagu Airmata Ibu dan memenangi hadiah wang tunai BND700, piala iringan dan sijil penyertaan serta hadiah iringan.

Manakala finalis lain menerima wang tunai BND400 berserta piala iringan dan sijil penyertaan.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Pertandingan kali ini turut dimeriahkan dengan persembahan anak-anak seni yang lahir menerusi BK dari tahun 70an, 90an dan 2000 serta penampilan dari Keluarga RMF (Rezal Malek Faisal) termasuk persembahan daripada Aziz Harun.

Sesuai dengan temanya Menjayakan Wawasan Negara, BK telah mengenalkan kita kepada lagu-lagu kanak-kanak yang sekali gus menjadi warisan negara yang perlu dipelihara dan dikekalkan untuk generasi akan datang.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan hadiah kepada juara Pertandingan Bintang Kecil Ke-40, iaitu Dayang Nur Qistina Adriana binti Md. Yusirwan.

# Penghayatan semangat kemerdekaan perlu dipelihara





PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak memotong kuih tradisional 'Kipang' yang diusahakan oleh Biro Wanita MPK RPN Panchor Mengkubau (kiri). Sementara gambar kanan, bendera negara dinaikkan di perkarangan Taman Riadah Bukit Mengkubau oleh gabungan para pelatih PKBN dan ahli-ahli Kumpulan Sukarelawan Ribena.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**MENTIRI,** Ahad, 18 Februari. - Kemerdekaan adalah sebuah anugerah yang besar dan tinggi nilainya, di mana ia mengajar sesebuah bangsa negara itu berdiri di atas kaki sendiri, mendewasa dan mematangkan diri, yang bermula dari kita sendiri melalui komuniti, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, serta swasta dengan cara perpaduan rakyat Brunei.

"Penghayatan semangat kemerdekaan ini harus dijaga, dipupuk dan dipelihara sebaik-baiknya melalui semangat berdikari, bekerjasama dan bersatu, perpaduan dan keharmonian antara satu sama lain," demikian jelas Pemangku Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Semarak Hari Kebangsaan 2018 bagi Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mengkubau.

Majlis yang berlangsung di Taman Riadah Bukit Mengkubau anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) RPN Panchor Mengkubau tersebut dihasratkan untuk menyemai semangat nasionalisme dan patriotisme warga penduduk.

Penglibatan para pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-7 yang terdiri daripada belia-belia dari RPN Panchor Mengkubau bergabung bersama ahli-ahli Kumpulan Sukarelawan Ribena, yang bertindak sebagai Pembawa Bendera melambangkan jati diri golongan belia dalam menjayakan Wawasan Negara, sejajar dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan.

Majlis disemarakkan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan dan lagu patriotik serta menaikkan Bendera Negara.

Acara kemuncak majlis ialah memotong kuih kering tradisional Brunei, iaitu 'Kipang' oleh tetamu kehormat yang diusahakan oleh Biro Wanita MPK RPN Panchor Mengkubau, dan akan dijadikan sebagai 'Satu Kampung Satu Produk (1K1P)' MPK RPN tersebut.

# Tanamkan sifat, jiwa patriotik

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**MERAGANG,** Sabtu, 17 Februari. - Bagi sama-sama menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Ahli Jawatankuasa Kumpulan Sukarelawan Ukhwah Kejiranan Al-Barakah (UKAB) Rancangan Perumahan Negara (RPN) Meragang mengungkayahkan Majlis Perasmian Gerbang dan Penaikan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena sambutan berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan majlis yang diadakan di Kawasan Lapang RPN Meragang tersebut ialah Pengarah Bahagian Khidmat Bakti Negara, Kolonel (B) Pengiran Haji Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail.

Sejurus perasmian acara diteruskan dengan pembawa bendera oleh para pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan Kadet Tentera Udara Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

Bendera kemudian diserahkan oleh tetamu kehormat kepada para pelatih PKBN dan diikuti dengan upacara menaikkan bendera diiringi lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Melalui acara tersebut, ia dihasrat dapat mengumpulkan para warga RPN Meragang khususnya dan rakyat di negara ini secara umumnya bagi sama-sama menanamkan sifat serta jiwa patriotisme, menghormati dan mentaati raja.

Selain itu, ia juga untuk mengetengahkan para pelatih PKBN dan Kadet Tentera Udara MSPSBS.



PENGARAH Bahagian Khidmat Bakti Negara, Kolonel (B) Pengiran Haji Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail semasa menyerahkan bendera negara kepada para pelatih PKBN bagi upacara menaikkan bendera.



PERBARISAN lalu daripada Pelatih-pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan Kadet Tentera Udara Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).



ANTARA penduduk kampung dan para belia yang hadir pada Majlis Perasmian Gerbang dan Penaikan Bendera Negara Brunei Darussalam.

# Lelaki cedera parah masih disiasat

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Februari. - Seorang lelaki warga asing telah ditemui terbaring berlumuran darah di dalam tandas perempuan di salah sebuah kompleks membeli-belah di kawasan Gadong.

Menurut Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), mereka telah menerima laporan berkenaan pada 16 Februari, pukul 5.01 petang dan meminta bantuan pihak polis untuk segera ke tempat kejadian.

Sejurus tiba di lokasi kejadian, mangsa didapati dalam keadaan terbaring dan mengalami kecederaan parah.

Pihak paramedik segera memberikan bantuan perubatan kepada mangsa sebaik saja tiba di lokasi tersebut dan mangsa telah dikejarkan ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) bagi menjalani rawatan segera.

Siasatan kini sedang dijalankan dan punca sebenar masih dalam siasatan.

PDB ingin mengingatkan dan meminta kerjasama orang ramai agar tidak membuat sebarang andaian atau spekulasi berkaitan dengan kejadian berkenaan.






# Bina Ukhwah berbakti kepada masyarakat

Oleh: Nur Amalia Alisha Daud
Foto: Ihsan Pg. Haji Ahmad Fadillah Akhbar Pg. Haji Sellahhuddin



PENGIRAN Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin bersama Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Lindsay semasa Sidang Media pemakluman penerima 2018 Queen's Young Leader dari Negara Brunei Darussalam.

BERMULA dengan hasrat untuk berbakti kepada masyarakat, Belia Berwawasan ini mengambil insiatif dengan mengumpulkan rakan-rakan beliau yang terdiri daripada ahli-ahli Alumni Universiti Brunei Darussalam (UBD), dan mahasiswa dan mahasiswi dari Institut Pengajian Tinggi di negara ini untuk menubuhkan Projek Bina Ukhwah. Fokus utama pasukan ini adalah *Small yet impactful projects* yang membawa maksud kecil namun memberi kesan.

**PERMULAAN PROJEK BINA UKHWAH**

Beliau ialah Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin, 28 tahun bekerja di Jabatan Penerangan sebagai Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait. Menurut beliau, Projek Bina Ukhwah mula ditubuhkan pada bulan Februari tahun 2017 apabila mereka berusaha mencari jalan bagi mendapatkan tempat tinggal yang selamat dan selesa untuk membantu sebuah keluarga di Kampung Lamunin yang tinggal di dalam keadaan rumah yang usang dan berbahaya.

Ahli-ahli pasukan tersebut akhirnya berjaya mendapatkan sokongan dan bantuan daripada syarikat-syarikat swasta seperti Lily Imani Enterprise, Perbadanan Intamas, LSL Metal, Arkitek Rekajaya, Juru Ukur Naweh dan penyumbang-penyumbang lainnya sehingga mereka berhasil membina sebuah rumah baharu bagi keluarga tersebut. Mereka juga mendapat inspirasi daripada Persatuan SCOT menerusi program Youth Against Poverty pada tahun 2016.

Beliau juga merupakan salah seorang ahli Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam sejak 13 tahun yang lalu dan juga salah satu sukarelawan Day of Action Brunei di bawah kelolaan gabungan NGO-NGO di negara ini.

**PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN**

Projek Bina Ukhwah setakat ini telah pun membantu dua buah keluarga melalui program Projek Bina Ukhwah Home Betterment Program (BU HOBPRO) dan telah membantu sebuah keluarga untuk menjana pendapatan daripada hasil kebun melalui inisiatif Farm for Good yang dikelolakan bersama Nurture Enterprise dan Sekolah Antarabangsa Jerudong. Manakala sebuah keluarga lagi menjana pendapatan daripada usaha berniaga Nasi Katok dan Nasi Campur. Kedua-dua program ini diungkayahkan di bawah inisiatif Bina Ukhwah Family Empowerment and Economic Development (BU FEED). Pada tahun lalu, Projek Bina Ukhwah juga tercalon sebagai Penerima Anugerah Projek Cemerlang untuk Belia sempena Hari Belia Kebangsaan Ke-12 dan Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar sendiri tercalon sebagai Penerima Anugerah Belia Berkhidmat pada tahun yang sama.

Pengiktirafan yang signifikan bagi beliau adalah terpilih untuk menerima 'Anugerah Pemimpin Muda Queen Elizabeth II' yang akan disampaikan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II of the United Kingdom of Great Britain and Nothern Ireland di Istana Buckingham, London pada bulan Jun tahun ini.

**CABARAN**

Untuk terus bertahan, sudah tentu berdepan dengan pelbagai cabaran. Salah satu darinya ialah mendapatkan lebih banyak penyertaan daripada syarikat-syarikat swasta dan perniagaan korporat untuk menyertai inisiatif "Companies of Doing Good" dalam mendorong syarikat-syarikat berbakti kepada masyarakat.

**DORONGAN**

Memetik salah satu Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu *"Sebaik-baik manusia adalah mereka yang memberi manfaat"*. Hadis inilah yang mendorong beliau untuk terus memajukan dirinya dalam mendatangkan manfaat kepada mereka yang memerlukan.

Tegas beliau, "semakin banyak manfaat yang kita dapat berikan, semakin tinggi pula motivasi dan usaha kita dalam melatih diri untuk menjadi seorang yang positif dan pemimpin yang baik."

**PERANCANGAN MASA DEPAN**

Mengenai perancangan masa depan untuk negara, beliau berhasrat untuk berganding bahu bersama seluruh lapisan masyarakat dalam menghasilkan projek yang dapat mempertingkatkan mutu hidup dan kapasiti para belia dan juga masyarakat yang berpendapatan rendah agar mereka mampu menyumbang kepada negara.

**SERUAN KEPADA PARA BELIA**

Pesanan beliau kepada para belia di luar sana, sentiasalah mencari manfaat yang dapat diberikan kepada agama, bangsa, negara dan masyarakat.

"Sentiasalah menjadi belia yang sentiasa peka akan keadaan sekeliling dan juga keperluan semasa yang sentiasa berubah-ubah dan jadikanlah setiap cabaran ini sebagai pendorong yang kuat untuk kita lebih banyak berbakti kepada agama, bangsa, negara dan masyarakat," saran beliau lagi.



BELIAU juga menjadi wakil tunggal Negara Brunei Darussalam pada Simposium Pemimpin Muda Asia Eropah di Luxembourg pada tahun 2015.



SUKARELAWAN yang terlibat dalam Projek Farm For Good yang bertujuan untuk membantu keluarga berpendapatan rendah menjana pendapatan dari hasil kebun.

# YSHHB laksana projek bantuan kemasyarakatan mangsa banjir



AHLI-AHLI sukarelawan yang turut melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan tersebut.



PENOLONG Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Musthapa bin Haji Matahir semasa mengetuai aktiviti kemasyarakatan tersebut.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

ADALAH dengan ini dimaklumkan dan diberi notis jualan lelong secara sebut harga bagi harta benda kerajaan yang telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan dibukakan kepada syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan yang berminat untuk membeli seperti barang-barang berikut :

**LOT A**

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
**Unit Peralatan / Perkakas Elektrik**
**Jumlah semua : 4 Unit / buah**

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
**Pejabat Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)**

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
**Unit Peralatan / Perkakas Elektrik**
**Jumlah Semua : 105 Unit / buah**

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
**Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama**

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
**Unit Peralatan Komputer**
**Jumlah semua : 7 Unit / buah**

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
**Urusetia Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan**

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
**Unit Perabot Sekolah dan Peralatan Elektrik**
**Jumlah semua : 116 Unit / buah**

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
**Sekolah Rendah Junjungan, Brunei Muara**

**LOT B**

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
**2 Unit Peralatan Pejabat**
**8 Unit Perabot Sekolah**
**6 Unit Peralatan pertukangan**
**4,903 Buah buku-buku teks**

**Jumlah Semua : 4919 Unit / Buah**

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
**Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah Lumut**

Borang sebut harga boleh didapati seperti di alamat-alamat berikut :
**1. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira, Blok 2J6: 03-04 Tingkat 6, Kondominium Ong Sum Ping, Kementerian Pendidikan.**
**Talian Telefon : +673 2230113.**
**(Brunei / Muara)**

**2. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira.**
**Bekas Barek Lama Sekolah Menengah Sufri Bolkiah**
**Tutong, TA1341**
**Talian Telefon : +673 4260312**

**3. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira**
**Rumah Kediaman Brunei Shell**
**Simpang 24 - 29, Jalan Maulana**
**Kuala Belait, KD145**
**Talian Telefon : +673 3347423**

**4. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira**
**Bekas Asrama Jalan Masjid**
**Jabatan Sekolah-Sekolah.**
**Temburong.**
**Talian Telefon : +673 5222171 / +673 5222172**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. Borang tawaran yang sudah lengkap diisikan hendaklah dihantar pada waktu dan masa seperti yang dinyatakan di bawah ini :

**Isnin** hingga **Khamis** dan **Sabtu.**
**jam : 8.15 Pagi** hingga **11.30 Pagi**
**2.00 Petang** hingga **4.00 Petang**

2. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar terus ke alamat yang dinyatakan di bawah ini dengan **menggunakan sampul surat tertutup rapat dan di tulis dengan terang : TAWARAN LELONG SECARA SEBUT HARGA BAGI HARTA BENDA KERAJAAN KEPUNYAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN** dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran sebut harga seperti yang beralamat dinyatakan di bawah ini :

**UNIT PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA BLOK 2J6 : 03 - 04, TINGKAT 6 KONDOMINIUM ONG SUM PING KEMENTERIAN PENDIDIKAN BANDAR SERI BEGAWAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

3. Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam masa 48 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam) setelah berjaya menerima surat makluman dan jika gagal berbuat demikian adalah dikira menarik diri dari tawaran jualan lelong tersebut.

4. Syarikat-syarikat dan orang ramai yang berjaya hendaklah memindahkan barang-barang tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari setelah menerima surat makluman. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan dan barang-barang tersebut akan dilelong semula atau dimusnahkan.

5. Untuk keterangan lanjut syarikat-syarikat dan orang ramai yang berminat boleh berhubung terus atau membuat pertanyaan kepada **Ketua-ketua Jabatan Pengetua-Pengetua, Guru-guru Besar yang berkenaan bagi mengetahui jenis-jenis barang yang ditawarkan atau Unit Penghapusan Dari Kira-Kira, Kementerian Pendidikan, Talian Telefon : +673 2230113**.

6. Yuran tawaran **BND10.00** bagi setiap lot. **(tidak akan dikembalikan).**

Tarikh Tutup tawaran pada :
**28 Februari 2018 (Rabu)**
**jam 2.00 Petang**

TABUNG AMANAH PEKERJA

**BILANGAN TENDER : TAP / FIN / 04.8 / RFQ / 2017 - 18 : 006**

**TAWARAN TENDER :**

**TO SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING AND COMMISIONING OF TENABLE SECURITYCENTER CONTINUOUS VIEW SYSTEM**

1. TABUNG Amanah Pekerja (TAP) mempelawa tawaran secara sebut harga dari syarikat-syarikat tempatan yang bereputasi untuk menjalankan *installation, configuration, testing and commissioning of Tenable Security Center Continuous View System*.

2. Dokumen tender dan maklumat boleh didapati dari kaunter berikut :

**Tabung Amanah Pekerja**
**Tingkat 14**
**Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB)**
**Jalan Kianggeh**
**Bandar Seri Begawan, BS8111**
**Negara Brunei Darussalam.**

Waktu pengambilan : Isnin hingga Khamis, Sabtu (8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 hingga 3.30 Petang).

3. Harga dokumen tender adalah BND10.00 dan pembayaran hendaklah diserahkan kepada TAP semasa pengambilan dokumen tender. pembayaran dokumen tender hendaklah dibuat secara tunai sahaja dan tidak dikembalikan.

4. Tarikh tutup pengambilan dokumen tender dan pembayaran yang tidak dikembalikan adalah tidak lewat dari **3.30 Petang, Rabu, 21 Februari 2018**.

5. Semua penyerahan dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam Kotak Tender TAP yang beralamat seperti di bawah tidak lewat dari **3.30 Petang, Rabu, 28 Februari 2018**.

6. Semua sampul surat yang mengandungi penyerahan hendaklah ditanda dengan jelas dengan menyatakan :

**Jawatankuasa Tender dan Sebut Harga**
**Tabung Amanah Pekerja**
**Tingkat Bawah**
**Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB)**
**Jalan Kianggeh**
**Bandar Seri Begawan, BS8111**
**Brunei Darussalam.**

7. Sebarang pertanyaan sila hubungi Azlan Idris / Zackeus Belang di talian **+673 2382929 sambungan 748**.

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG KELAS II & III DAN KATEGORI B01**

**Bilangan Tawaran :**
**KHEU / BDP / LTK / 001 / 2018**
**BANTUAN PERUMAHAN GOLONGAN DAIF, FAKIR DAN MISKIN - DAYANG SITI AMINAH BINTI ABDULLAH, RUMAH JENIS B2 (3 BILIK) LTS 36 / 11, SPG 612-95, KG. SG. HANCHING, JALAN MUARA, DAERAH BRUNEI MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**YURAN DOKUMEN :**
**BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh dan jam tutup mengambil dokumen tawaran :**
**14 Februari 2018**
**(12.00 Tengah Hari)**
**Tarikh tutup :**
**20 Februari 2018**
**(12.00 Tengah Hari)**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Satu, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas, BB3910, Negara Brunei Darussalam (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen tawaran) tidak lewat dari jam 12.00 Tengah Hari pada tiap-tiap **SELASA** seperti tarikh yang telah ditetapkan.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen kontrak.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah didapati dan diperoleh dari **Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas, BB3910, Negara Brunei Darussalam**. Jumlah yuran adalah seperti berikut.

5. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada berjaya atau yang tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA,
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**TAWARAN**

**(1)**
**TAWARAN BILANGAN JDBM / Q / 03 / 2018**

**TAWARAN**
**MEMBEKAL KONFETI SEMPENA MAJLIS KEBERANGKATAN KDYMM BERAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT BERTEMPAT TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**(2)**
**TAWARAN BILANGAN JDBM / Q / 04 / 2018**

**TAWARAN**
**MEMBEKAL DAN MEMASANG KEM SEMPENA MAJLIS KEBERANGKATAN KDYMM BERAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT BERTEMPAT DEWAN PERSANTAPAN LAPAU, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**(3)**
**TAWARAN BILANGAN JDBM / Q / 05 / 2018**

**TAWARAN**
**MEMBEKAL DAN MEMASANG KEM SEMPENA MAJLIS KEBERANGKATAN KDYMM BERAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT BERTEMPAT TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**(4)**
**TAWARAN BILANGAN JDBM / Q / 06 / 2018**

**TAWARAN**
**MEMBEKAL DAN MEMASANG PERHIASAN SEMPENA MAJLIS KEBERANGKATAN KDYMM BERAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT BERTEMPAT DEWAN PERSANTAPAN LAPAU DAN TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**(5)**
**TAWARAN BILANGAN JDBM / Q / 07 / 2018**

**TAWARAN**
**MEMBEKAL DAN MEMASANG KEM KOMPLEX YAYASAN DAN TEMPAT LETAK KERETA KIULAP SEMPENA MAJLIS KEBERANGKATAN KDYMM BERAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berkebolehan dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah dan Sijil Pendaftaran Kementerian Pembangunan.

Dokumen tawaran boleh diperoleh di **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Baharu Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam** dengan bayaran **BND10.00 [Ringgit : Sepuluh sahaja]** secara tunai bagi setiap satu dokumen tawaran dan pentadbiran [tidak dikembalikan].

Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (*sealed*) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis dengan nama projek.

Tawaran tersebut hendalah dimasukkan ke dalam peti tawaran ke alamat seperti di bawah :

**Peti Tawaran**
**Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Baharu**
**Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama Berakas**
**Negara Brunei Darussalam.**

**tidak lewat Selasa, 27 Februari 2018, jam 2.00 Petang.**

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.

**BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA [BKBN]**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA [BKBN]**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PENGHANTARAN DAN PEMASANGAN ALAT-ALAT KELENGKAPAN BAGI ACARA-ACARA RASMI BAGI PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) KE-7, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN.**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**7 / FEBRUARI / 2018 / BKBN / 1.40 / 18**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat / pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan diiktiraf sebagai Pembekal Perkhidmatan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen sebut harga boleh diperoleh dari **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari / waktu bekerja.

3. Yuran sebut harga adalah **BND10.00** sahaja bagi setiap sebut harga dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang sah (*bona-fide-tender*).

4. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada **Bahagian Khidmat Bakti Negara** semasa waktu bekerja melalui talian **+673 2340045** yang bertempat di **Ibu Pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara Blok 18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan Anggrek Desa, Jalan Berakas BB3713, Negara Brunei Darussalam.**

5. Sebut Harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan **7 / FEBRUARI / 2018 / BKBN / 18 - PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PEMASANGAN ALAT-ALAT KELENGKAPAN BAGI MAJLIS TAMAT LATIHAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA [PKBN] PENGAMBILAN KE-7, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** serta tarikh tutup tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.**

6. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang disediakan di :

**Tingkat 1**
**Ruang Masuk / Penyambut Tetamu**
**(depan kaunter sekuriti)**
**Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
**Simpang 336-17**
**Jalan Kebangsaan, BS8110**
**Negara Brunei Darussalam.**
**[PETI SEBUT HARGA BERWARNA HIJAU]**

**Tidak lewat jam 2.00 Petang, Khamis, 22 Februari 2018.**

7. **Tarikh terakhir mengambil** dokumen sebut harga adalah pada **Rabu, 21 Februari 2018, jam 11.00 Pagi.**

8. Sebut Harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

9. Sebelum dokumen sebut harga dikeluarkan, setiap syarikat dikehendaki membawa dan menghadapkan salinan **Sijil Pendaftaran Perniagaan** (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

10. Sebut Harga mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebut harga yang telah disediakan. Sebut harga yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

11. Setiap borang sebut harga yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para '9') dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para '3').

12. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh pegawai / kakitangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam **tidak akan semestinya** menerima **sebut harga yang rendah** atau lain-lain sebut harga.

14. Ke semua syarikat / pembekal yang mengambil bahagian dalam sebut harga adalah **DIMESTIKAN** untuk hadir ke **"Taklimat Sebut Harga** (*tender briefing*)**"** pada **Rabu, 21 Februari 2018, jam 10.30 Pagi** di **Ibu Pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN], Blok B18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan Anggerek Desa, Jalan Berakas, BB3713, Negara Brunei Darussalam.**

15. Syarikat yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperoleh akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN / 4 (39 / 1997).

---

**JABATAN BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JABATAN BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**KENYATAAN TAWARAN**

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis **bilangan tawaran** serta **tarikh tutup tawaran** itu tanpa menunjukkan **identiti pengirim.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, salinan Sijil Perniagaan (Business Names of Enactment Section 16 & 17) atau List of Directors dan salinan kad pengenalan.

4. Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** bertempat di **Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri BSB** dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Tawaran dan Sebut harga**
**Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan**
**Negara Brunei Darussalam**

TAJUK :
**1. PELAWAAN TAWARAN BAGI PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN GERAI HUJUNG MINGGU DI JALAN MASJID SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIEN**

BILANGAN TAWARAN :
**JBBSB / SH / 2017-2018 / 39 / UPA**

Tarikh tawaran dibukakan :
**7 Februari 2018**

Tarikh terakhir mendapatkan tawaran :
**17 Februari 2018**
Tarikh tutup tawaran :
**Khamis, 22 Februari 2018**
**Jam : 2.00 Petang**
Tarikh taklimat :
**Hari Isnin, 19 Februari 2018**
Tempat :
**Tingkat 2,**
**Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan,**
**Jalan Perdana Menteri,**
**Jam : 2.00 Petang.**

Bayaran menyertai tawaran ialah BND12.00 bagi setiap satu tawaran iaitu caj sebanyak BND2.00 bagi pendaftaran dan BND10.00 bagi yuran pentadbiran dan bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran boleh dibuat di :

**Bahagian Kaunter**
**Perkhidmatan Pelanggan**
**Tingkat 3, Jabatan Bandaran**
**Bandar Seri Begawan**
**Jalan Perdana Menteri BA 1512**
**Negara Brunei Darussalam.**

5. Borang tawaran bolehlah didapati di **Tingkat 2, Unit Pengurusan Asset**, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan semasa waktu pejabat dibuka.

6. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran yang disebutkan tidak akan dilayan.

7. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih tinggi atau seumpamanya.

---

**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**

PENENDER-penender adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran bagi tiga (3) kerja berikut :

**1. MTC / PPDB / RC-01**

**THREE (3) YEARS MAINTENANCE TERM CONTRACT FOR MAINTENANCE, REPAIR AND MINOR NEW ADDITIONS TO BUILDING AND CIVIL ENGINEERING WORKS FOR THE ROYAL BRUNEI POLICE FORCE AT GADONG**

**Yuran Tawaran : BND500.00**
**(tidak dikembalikan)**

**2. T / 002 / RBPF-HQ / 2017-B**

**KERJA MEMBAIK PULIH ANNEX RUMAH AMAH (JKR 555) DAN (JKR 557) BERTEMPAT DI RUMAH AMAN KOMPLEK, IBU PEJABAT POLIS GADONG**

**Yuran Tawaran : BND30.00**
**(tidak dikembalikan)**

**3. T / 003 / RBPF-HQ / 2017-B**

**KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH KEROSAKAN BANGUNAN PEJABAT PASUKAN SIMPANAN POLIS HUTAN LAMUNIN, POLIS DIRAJA BRUNEI (JKR 1616) TUTONG**

**Yuran Tawaran : BND30.00**
**(tidak dikembalikan)**

1. Dokumen tawaran boleh diperoleh dari **Unit Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Polis Gadong** pada waktu bekerja, iaitu **Isnin** hingga **Khamis** dari jam **8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi** dan **2.00 Petang** hingga **3.00 Petang** dan **Sabtu** dari **jam 8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi**.

2. Tawaran - tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut dibawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 6 Mac 2018 :**

**Pengerusi**
**Lembaga Tawaran Kecil**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Level 1**
**Bangunan Jabatan Perdana Menteri**
**Jalan Menteri Besar**
**Bandar Seri Begawan**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Yuran tawaran (*tender fee*) dikehendaki dibayar dengan **WANG TUNAI** sahaja dan wang tidak dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bon-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran. Pembayaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam **8.00 Pagi** di **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Polis Gadong**.

# MIB : Menjana pendidikan Islam di Brunei Darussalam

SIRI VI



GAMBAR bekas Kampus Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (IPISHOAS).

Oleh : Pg. Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Pg. Haji Abd. Rahman

**20. Pengajian Tinggi Islam**

PERJUANGAN untuk menubuhkan pusat pengajian tinggi Islam di Negara Brunei Darussalam telah berlaku pada akhir tahun 1980-an iaitu apabila tertubuhnya Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam (IPIBD) pada tahun 1988. Pada mulanya institut ini ditempatkan di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di mana KUPU SB sekarang berada, kemudiannya berpindah ke Sekolah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong, berikutan adanya kekosongan kerana berpindahnya sebahagian pelajar Sekolah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah ke Ma'had Islam Brunei, Tutong yang baru siap pembinaannya pada masa itu.

Memandangkan Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam telah memulakan pengambilan dan pengajiannya pada tahun 1989 itu, maka dapatlah dikatakan ia telah melakar sejarah sebagai **'pusat pengajian tinggi Islam yang pertama'** wujud di Brunei, di bawah kendalian Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebaik penulis tamat Ph.D dari Universiti Malaya pada tahun 1992, penulis telah ditempatkan di institut ini sebagai Timbalan Pengarah yang mana kemudiannya dilantik menjadi Pengarah Institut.

Penubuhan institut ini diikuti dengan penubuhan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam di bawah Kementerian Pendidikan pada tahun 1993. Dekan Pertamanya ialah Dr. Maghfur Uthman seorang pensyarah kontrak dari Indonesia.

Antara syarat kemasukan ke Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam ialah memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB). Dalam melaksanakan programnya, Institut tersebut hanya mengeluarkan Diploma Pengajian Islam, namun pemegang Diploma tersebut telah diiktiraf sebagai Mu'adalah dengan pengajian di Universiti Al-Azhar dan diterima masuk oleh Universiti Al-Azhar ke Tahun Empat Ijazah Sarjana Muda terus tanpa peperiksaan. Ini salah satu kelebihan institut tersebut, yang saya difahamkan di rantau ini institut sedemikian yang diterima oleh Al-Azhar belum ada atau mungkin sedikit sekali, yang ada ialah diterima oleh Al-Azhar untuk memasuki Tahun Dua atau Tahun Tiga (bukannya Tahun Empat) peringkat Ijazah Pertama.

Berikutan adanya sokongan dari pihak Universiti Al-Azhar, khasnya dengan kunjungan dua kali rombongan Rektor Al-Azhar iaitu Profesor Dr. Abdul Fattah Husaini Al-Sheikh dan Profesor Dr. Ahmad Omar Hashim dalam tahun 1990-an maka dalam kalangan tenaga akademik Institut Pengajian Islam pada masa itu, mereka menanam semangat untuk penubuhan universiti Islam dengan Institut Pengajian Islam diangkat ke kedudukan itu. Namun perbincangan demi perbincangan, cita-cita tersebut tidak terlaksana.

Apa yang terlaksana ialah setelah kira-kira 10 tahun hayatnya, Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam itu telah dicantumkan dengan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1999, dengan nama baharunya Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (IPISHOAS), UBD. Penulis pula dilantik menjadi Dekan Pertama bagi institut tersebut. Dengan demikian proses penghantaran ke Universiti Al-Azhar terhenti, kerana IPISHOAS mampu mengeluarkan Ijazah peringkat Sarjana Muda dan Sarjana pada masa itu.

**21. Universiti Islam**

Namun cita-cita untuk menubuhkan sebuah pusat pengajian tinggi Islam yang bernama **'universiti Islam'** tetap membara. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sendiri telah bertitah beberapa kali mengenai peri pentingnya penubuhan sebuah universiti Islam tulen yang akan menjadi **'mercu tanda'** kepada Negara Brunei Darussalam. Ini perlu kerana Brunei adalah sebuah negara Islam yang telah meletakkan di dalam perlembagaannya kedudukan Islam sebagai ugama rasmi, menurut fahaman Ahli Sunnah Waljamaah.

Pada tahun 2005 penulis telah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadi Timbalan Menteri Pendidikan. Di samping tugas tersebut itu, tidak berapa lama kemudian penulis diberi kepercayaan untuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pandu (Steering Committee) bagi penubuhan sebuah universiti Islam.

Memahami hasrat Kebawah DYMM bagi penubuhan sebuah universiti Islam itu, Jawatankuasa Pandu telah memikirkan supaya IPISHOAS itu dijadikan asas bagi universiti Islam yang dimaksudkan. Dalam pada itu, pandangan dan nasihat dari seorang cendekiawan dan pakar pengajian Islam juga telah didapatkan iaitu Tan Sri Profesor Dr. Kamal Hassan, mantan Rektor Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia pada masa itu yang telah memberi sokongan kuat supaya cita-cita murni itu dilaksanakan.

Dalam tempoh kira-kira satu tahun memikirkan rangka universiti Islam tersebut akhirnya telah dapat disembahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan telah mendapat perkenan baginda bagi penubuhannya dengan namanya Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Perkara ini berlaku pada awal tahun 2007 yang diisytiharkan baginda dalam titah perutusan Hari Raya Aidiladha, Tahun 1427 Hijrah. Kegembiraan berganda apabila tidak lama kemudian iaitu sempena Sambutan Awal Muharam 1428H, sebuah lagi pusat pengajian tinggi Islam muncul dengan nama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Ini adalah merupakan naik taraf dari institusi pendidikan ugama yang sebelumnya dikenali sebagai Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan. Titah baginda :

"**Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan akan ditingkatkan tarafnya menjadi Kolej Universiti Perguruan dengan nama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Nama dan aspirasi tersebut hendaklah konsisten kepada 'perguruan' semata-mata. Ia tidak wajar dicampuradukkan dengan yang lain-lain, kerana sebarang percampuran mungkin sahaja akan mencairkan matlamat asal perguruan. Kolej Universiti ini nanti, dihasratkan, bagi mengeluarkan Diploma dan Ijazah. Negara Brunei Darussalam bolehlah berbangga dengan penubuhan ini, kerana ia dapat dianggap sebagai satu-satunya pusat pengajian yang pernah wujud sepertinya di rantau ini mahu pun di mana-mana jua di luar rantau.**"

Inilah anugerah Allah yang sangat bermakna kepada umat Islam dan negara kita sebagai sebuah negara Islam. Saya timbulkan ini supaya kita tahu menghargai kedua-dua buah pusat pengajian tinggi Islam ini, kerana kedua-duanya bukan muncul dengan tiba-tiba, tetapi telah melalui perjuangan yang agak panjang. Institut Pengajian Islam sejak ia mula ditubuhkan pada tahun 1988 sehingga tahun 2007, mengambil masa 19 tahun, sementara Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan sejak ia beroperasi pada tahun 1972 hingga 2007, mengambil masa 35 tahun.

Setelah wujud kedua-duanya atas nama universiti dan universiti kolej, adalah menjadi kewajipan kita semua untuk mengukuhkan, meningkatkan kualitinya sehingga dapat menjadi sandaran dan rujukan ugama, berwibawa, disegani dan dihormati di rantau ini malah di arena antarabangsa. Antara UNISSA dan KUPU SB masing-masing mempunyai peranannya yang tersendiri dalam bidang masing-masing. Nampaknya UNISSA lebih kepada bidang penyelidikan dan keilmuan Islam, manakala KUPU SB lebih kepada bidang pendidikan ugama. Sungguhpun begitu, harapan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam beberapa titah baginda adalah sangat tinggi supaya kedua-duanya akan saling bekerjasama dan saling lengkap-melengkapi untuk mengembangkan ajaran Islam dan mempertahankan kedudukan ugama di negara ini terjaga dan terpelihara dengan baik.

**22. Amanah Sebagai Pemimpin**

Semua pihak pengurusan harian dan pentadbiran akademik yang ada pada masa ini dan akan datang telah ditakdirkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk memimpin institusi ini yang bernama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan UNISSA. Maka terimalah amanah yang telah dikorniakan Allah ini dengan hati yang terbuka dan jalankanlah sebaik-baiknya. Jangan khuatir atau bimbang, kerana kita berada di bawah satu institusi yang mendukung ugama Allah, Allah telah berjanji sebagaimana firman-Nya, yang ertinya :

"*Jika kamu menolong (membela agama) Allah, nescaya Dia akan menolong kamu (mencapai kemenangan) dan meneguhkan pendirian kamu.*" (Surah Muhammad, ayat 7).

Sebagai sebuah institusi tempat melahirkan cendekiawan Islam dan ulama ini, maka pendukung-pendukungnya adalah termasuk pewaris nabi-nabi sebagaimana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang maksudnya : "Para ulama itu adalah pewaris Nabi." Oleh itu empat ciri asas yang unggul dari sifat-sifat Nabi itu ialah :

(1) Sidiq (benar)
(2) Amanah (menunaikan janji)
(3) Tabligh (menyampaikan)
(4) Fatanah (bijaksana),

Kesemua sifat-sifat unggul ini perlu dihayati dan di amalkan sepanjang masa. Sebaliknya pula menjauhi sifat-sifat buruk lawan kepada yang empat tadi yang tidak dimiliki oleh para Nabi iaitu :

(1) Kazib (berbohong)
(2)Khianah (menipu atau menyalahi perjanjian)
(3)Kithman (menyembunyi-kan)
(4) Baladah (bodoh).

Ke muka 22

# MIB : Menjana pendidikan Islam di Brunei Darussalam

Dari muka 21

**Sidiq** ertinya benar, bermakna tindak tanduk pada melaksanakannya adalah benar, percakapan adalah benar, ilmu yang disampaikan adalah benar, peraturan yang dilaksanakan adalah benar. Semuanya mesti benar.

**Amanah** ertinya menunaikan janji, memelihara kepercayaan yang diberikan, tidak pecah amanah. Tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan. Jujur dan tulus ikhlas dalam menunaikan kewajipan yang dipikulkan.

**Tabligh** ertinya menyampaikan, menyampaikan ilmu dengan baik, tidak menyembunyikan ilmu ugama yang diketahuinya, menyampaikan arahan-arahan dari pihak atasan dengan lengkap dan segera kepada pihak bawahan. Menyampaikan pesanan-pesanan atau wasiat dengan sempurna dan sebagainya.

**Fatanah** ertinya bijaksana, bijaksana mengendalikan institusi di bawah pimpinannya, selalu proaktif, selalu berbicang dengan rakan-rakan, selalu bertanya dalam hal perkara yang ia kurang tahu. Tidak mudah cemas, tidak terburu-buru mengambil tindakan, bersifat tenang.

Sifat-sifat dasar ini perlu ada pada setiap pemimpin apatah lagi pemimpin dalam hal keugamaan.

**23. Kefahaman Perkara Asasi**

Sebagai para pemimpin bagi sebuah institusi yang berperanan besar seperti UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan ini, penulis kira adalah perlu memahami dengan mendalam perkara-perkara berikut antaranya :

i. Visi, Misi, Objektif dan Matlamat Institusi Pengajian Tinggi Islam yang dipimpin dan berjuang ke arah menjayakannya.

ii. Visi, Misi, Objektif dan Matlamat Kementerian yang menaongi organisasi.

iii. Mengetahui konsep MIB, Konsep Negara Zikir, dan Wawasan Negara 2035.

iv. Mengetahui kedudukan Islam dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

v. Meneliti titah-titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sepanjang baginda memerintah negara.

vi. Memahami adat istiadat masyarakat Melayu Brunei, Adat Istiadat Diraja Brunei.

vii. Memahami aliran Ahli Sunnah Waljamaah, dan memahami prinsip-prinsip dalam Mazhab Al-Shafie.

viii. Memahami dan melaksanakan peraturan-peraturan dan disiplin bagi pelajar.

ix. Memahami ciri-ciri universiti yang dipimpin, sejarahnya, **niche**nya, pendidikan ugama, jawi dan kitab turath Islam, tokoh-tokoh pendidikan ugama tempatan dan luar negara.

Perkara (i) hingga (ix) **di atas,** lebih kepada teori atau hala tuju sesebuah institusi pendidikan tinggi itu dibangunkan dan dihasratkan, di sinilah biasanya sesebuah institusi pendidikan tinggi akan berbeza dengan yang lain dalam hal visi, misi dan objektif penubuhannya. Sementara Perkara (i) hingga (xi) di bawah adalah merupakan benih yang dipilih untuk suatu tanaman, seterusnya menjadi tapak semaian supaya benih itu akan tumbuh subur jika benih itu sentiasa dibaja dan disiram dengan air. Boleh juga dikatakan perkara (i) hingga (xi) **di bawah ini** sebagai 'calak'. Apabila calak sudah disediakan, maka biasanya produk yang dihasilkan akan mengikut calak itu. Tanpa menyediakan calak, atau tanpa kefahaman yang jelas tentang calak yang diinginkan, mungkin saja produk yang dihasilkan tidak akan menepati hasrat dan impian para penggubal dan pencipta calak tersebut.

***'AMANAH ertinya menunaikan janji, memelihara kepercayaan yang diberikan, tidak pecah amanah. Tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan. Jujur dan tulus ikhlas dalam menunaikan kewajipan yang dipikulkan.'***

## LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

**BERIKUT ADALAH TAJUK-TAJUK RUANG LENSA :**

**Tajuk-tajuk akan datang :**

**1) 'Taman dan Rekreasi di Negara Brunei Darussalam' (tarikh tutup 24 Februari 2018).**
**2) 'Keceriaan Sambutan Hari Kebangsaan' (tarikh tutup 10 Mac 2018).**
**3) Hobi - (tarikh tutup 24 Mac 2018).**
**Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12 tengah hari pada tarikh-tarikh tutup berkenaan.**



**TAJUK : 'Alat-Alat Muzik Tradisi Brunei'**
**Keterangan gambar : Alat muzik yang lazimnya digunakan di Negara Brunei Darussalam ialah Tar.**
**Kamera : Canon EOS 800D (ISO : 200, focal length : 55mm, appreture : f/5.6, shutter speed : 1/400 sec**
**Nama pemenang : Siti Amafina binti Haji Zaman / Nombor I.C : 01-071451**
**No. 1, Simpang 5-6, Jalan 39, RPN Kampung Rimba, Gadong.**

# Bandarku Ceria tetap meriah



DAYANG Hasinah binti Haji Hassan semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Amirulnizam
Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 18 Februari. - Meskipun hujan turun seawal pagi namun Program Bandarku Ceria di ibu negara tetap menjadi tumpuan orang ramai untuk meluangkan masa pada hujung minggu bagi melakukan pelbagai aktiviti riadah.

Penglibatan warga emas, belia-belia dan kanak-kanak memeriahkan lagi Bandarku Ceria dengan melakukan aktiviti berbasikal, berjalan kaki, berjoging selain aktiviti meniup belon dan sebagainya.

Program berkenaan bukan sahaja menjadi tumpuan masyarakat di negara ini tetapi juga pelancong-pelancong dari luar negara untuk bersiar-siar di ibu negara dalam suasana yang lebih bersih dan sihat.

Di samping itu, mereka berpeluang menyaksikan keindahan Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien yang terletak berhampiran dengan taman berkenaan.

Dayang Hasniah binti Haji Hassan semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei berkata, permainan 'Giant Cyclinder' telah lama diperkenalkan di Bandarku Ceria sejak tahun lepas.

Permainan tersebut disewakan dengan harga BND5.00 bagi tiga orang dalam masa empat minit.

Oleh itu, beliau berharap permainan itu akan dapat menceriakan lagi Bandarku Ceria sekali gus menambah lagi pendapatan mereka sekeluarga di hujung minggu program berkenaan.



ANTARA aktiviti di Bandarku Ceria.

# Pesilat negara raih pingat perak dan gangsa




KONTINJEN Negara Brunei Darussalam selamat tiba ke tanah air selepas menyertai Kejohanan Pencak Silat Jemputan Laluan ke Sukan Asia 2018, yang berlangsung di Padepokan, Jakarta, Indonesia.



PESILAT negara, Norleyermah binti Haji Raya berjaya meraih pingat perak pada Kejohanan Pencak Silat Jemputan Laluan ke Sukan Asia 2018 di Jakarta, Indonesia.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Shahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 18 Februari. - Pesilat Wanita Negara, Norleyermah binti Haji Raya mempamerkan persembahan terbaiknya pada kejohanan antarabangsa telah berjaya membawa pulang pingat perak pada Kejohanan Pencak Silat Jemputan Laluan ke Sukan Asia 2018, yang berlangsung di Padepokan, Jakarta, Indonesia pada 14 Februari lalu.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam selamat tiba ke tanah air setelah memperolehi beberapa pingat, iaitu perak dan gangsa.

Ketika ditemui sejurus ketibaan, Norleyermah melahirkan rasa syukur kerana memperolehi pingat perak, walau pun berasa sedih kerana hanya kalah satu mata kepada pemenang pingat emas dari Republik Filipina.

Menurutnya, dalam acara Seni Tunggal peringkat akhir tersebut peserta-peserta yang bertanding pada masa ini akan bertanding lagi pada bulan Ogos tahun ini.

Sementara itu, dua lagi pesilat negara turut bertanding pada kejohanan tersebut ialah Zainorarif Zaini dan berjaya mengutip pingat gangsa bagi acara Tanding Kelas 'D', sementara Elmi Zaini memulakan persaingannya dalam acara Tanding Kelas 'B'.

Kontinjen silat negara diketuai oleh Haji Adanan Ahad selaku Pengurus, diiringi Jurulatih Tanding dan Seni, Hassan Haji Tuah.

## Operasi rondaan pencegahan jenayah di RPN Kampung Panaga



RONDAAN pencegahan berjalan kaki yang diadakan di sekitar kawasan RPN Kampung Panaga 2000.

Siaran Akhbar dan Foto: Pasukan Polis Diraja Brunei

**SERIA,** Ahad, 18 Februari. - Bagi mencegah sebarang perbuatan jenayah atau mana-mana aktiviti yang menyalahi undang-undang, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah mengadakan operasi rondaan pencegahan jenayah di kawasan Daerah Belait sempena musim perayaan Tahun Baharu Cina baru-baru ini.

Operasi rondaan pencegahan jenayah dijalankan di kawasan RPN Kampung Panaga 2000 yang diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Seria, Penolong Penguasa Polis (ASP) Pengiran Haji Mohd. Saiful Ariff bin Pengiran Haji Duraman dan Inspektor Mohd. Ajib bin Haji Ahmad bersama anggota dari Balai Polis Seria dan anggota Unit Perhubungan Awam PDB.

Turut serta dalam rondaan tersebut ialah Timbalan Pengerusi Pengawasan Kejiranan RPN Kampung Panaga, Awang Zaleha bin Lahap bersama 10 ahli Pengawasan Kejiranan kampung tersebut.

Rondaan berjalan kaki yang bermula pada jam 11 malam, tertumpu di sekitar kawasan RPN Kampung Panaga 2000.

Hasil daripada rondaan tersebut, tiada sebarang perkara yang mencurigakan atau tidak bermoral ditemui.

# Sukan

**INFO SUKAN**

SUKAN lumba basikal velodrome dipercayai sudah wujud sejak pertengahan abad ke-19. Basikal yang digunakan tidak mempunyai brek dan kaki pelumba di'lock' pada pedal basikal. Ia berbeza dengan basikal dalam sukan berbasikal yang lain dan kelajuan pelumba boleh melebihi 85 km/j.

*ePaper Pelita Brunei*

## Kiudangku Ceria tingkatkan perpaduan masyarakat





PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam hadir selaku tetamu kehormat pada Kiudangku Ceria. Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung (kiri). Sementara gambar kanan antara yang menyertai riadah berbasikal sempena dengan Kiudangku Ceria.

**TUTONG**, Ahad, 18 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kiudang telah menganjurkan aktiviti kekeluargaan 'Kiudangku Ceria' bertempat di kawasan Gerai Muafakat Kampung Kiudang, Mukim Kiudang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan penduduk Kampung Kiudang.

Acara bermula dengan aktiviti senamrobik 'zumba' selama 30 minit di Gelanggang Futsal Mukim Kiudang, diikuti dengan aktiviti berbasikal 'Kayuhan Santai Menyusuri Kampung' sejauh 8 kilometer (km) yang bermula dan berakhir di gerai berkenaan.

Pelepasan kayuhan berkenaan disempurnakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Umarali.

Acara diteruskan dengan aktiviti berjalan kaki (walkaton) 'Jalan Santai Menyusuri Kampung' sejauh 3km juga bermula dan berakhir di gerai berkenaan, yang mana pelepasan bagi aktiviti ini disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Pengerusi Bersama 'Kiudangku Ceria', Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali semasa ditemu bual Pelita Brunei menjelaskan tujuan utama 'Kiudangku Ceria' itu dianjurkan sebagai salah satu menyokong Wawasan Negara, ke arah negara maju.

Jelasnya, antara pengisian-pengisian 'Kiudangku Ceria' itu lebih cenderung ke arah menyatupadukan masyarakat dan selain itu memberikan platform kepada masyarakat agar lebih mementingkan perpaduan, mengekalkan kesejahteraan dan menyumbang kepada aktiviti sihat.

Di samping itu katanya, 'Kiudangku Ceria' juga bertujuan bagi mengeratkan silaturahim dan melebarkan sayap kerjasama di antara MPK Kiudang dan agensi kerajaan dan persatuan-persatuan bukan kerajaan (NGOs).

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

## Kasuka FC tewaskan Najip I-Team, 5 - 0





ANTARA aksi perlawanan pasukan Kasuka FC ketika menentang pasukan Najip I-Team (jersi merah) (kiri), sementara gambar kanan, keadaan mencemaskan di depan pintu gol pertemuan pasukan Kasuka FC menentang pasukan Najip I-Team.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Sahrizal Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 Februari. - Pasukan Kasuka FC membelasah pasukan Najip I-Team, 5 - 0 pada perlawanan Piala FA Brunei DST 2017 yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Pasukan Kasuka FC mempamerkan aksi cemerlang apabila berjaya mengutip gol pertamanya seawal minit kelapan melalui jaringan Md. Esmendy bin Ibrahim.

Pasukan berkenaan terus berusaha membolosi gawang lawan sehingga sekali lagi memperoleh gol kedua hasil jaringan Afindi Yati bin Tuah pada minit ke-39.

Ketinggalan dengan jaringan 2 - 0, pasukan Najip I-Team cuba mencari gol semangat, namun usaha mereka tidak kesampaian sehinggalah tamat separuh masa pertama.

Pada separuh masa kedua, Md. Khairul Anwar bin Abdul Rahim menjaringkan gol ketiga pada minit ke-55.

Sementara itu, Afindi Yati menghadiahkan dua lagi gol bagi pasukan Kasuka FC, masing-masing pada minit ke-58 dan 66, sekali gus mereka mendahului 5 - 0 dan menenangi perlawanan dengan kedudukan selesa.

Pasukan Kasuka FC mengekalkan jaringan hingga tamat perlawanan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

**'LAKAS TAH MINUM AIR KOSONG UNTUK KESIHATAN'**

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجأن، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.